



## Pahang laksanakan pelbagai usaha pulih Tasik Chini

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Ogos 1, 2022 @ 5:01pm

[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)



(Gambar fail) Tasik Chini - NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

KUALA LUMPUR: Kerajaan Pahang akur dengan titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, supaya [Tasik Chini dipulih dan dihijaukan](#) semula.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, berkata pelbagai usaha pemulihan sudah dilaksanakan.

"Titah akan diikut oleh kerajaan negeri. Kita sudah banyak membuat pemulihan (di Tasik Chini)," katanya ringkas kepada BH, hari ini.

Tengku Hassanal pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Pingat Pahang sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-63 Sultan Pahang di Istana Abu Bakar, Pekan, hari ini, menitahkan supaya pajakan lombong yang tamat tempoh di Tasik Chini, tidak disambung dan kawasan berkenaan dihijaukan dalam masa terdekat.

Baginda bertitah, kerajaan Pahang perlu bertindak lebih agresif untuk memastikan Tasik Chini dapat dipulih dan dihijaukan semula, selain dikembalikan kegemilangan dengan peranan asalnya yang memanfaatkan penduduk sekitar.

Tengku Hassanal juga bertitah, usaha memulihkan Tasik Chini harus dimainkan oleh semua pihak, bukan saja kerajaan malah pelombong dan pelesen sedia ada yang perlu memberi komitmen serta turut sama menjayakan usaha berkenaan.

Media semalam melaporkan tinjauan Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mendapat **Tasik Chini tidak lagi memenuhi kriteria** untuk menjadi sebahagian daripada Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR) dan berisiko dilucutkan status itu.

UNESCO bagaimanapun memberi tempoh kepada Malaysia hingga 30 September depan bagi memaklumkan badan dunia itu mengenai perancangan untuk merawat dan memulihkan Tasik Chini serta tanah lembap di sekitarnya.

Tasik Chini yang juga tasik air tawar kedua terbesar di Malaysia dengan kawasan tanah lembap di sekelilingnya, diiktiraf UNESCO pada 2009 sebagai rizab biosfera pertama negara.